

NO. PERJANJIAN : _____

(UNTUK ALAT-ALAT KELENGKAPAN)

DI ANTARA

**UNIVERSITI MALAYA
(PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA)**

DAN

PADA _____ **HB** _____ **TAHUN 20** _____

CONTOH

BAGI TAWARAN

TEMPOH PERJANJIAN : _____

NILAI PERJANJIAN : _____

NILAI CAGARAN : _____

PERENGGAN	KANDUNGAN PERJANJIAN	MUKA SURAT
1.	PENENTUAN HARGA, AMAUN & MASA	1
2.	ANGGARAN KEPERLUAN	1
3.	CAGARAN	2
4.	MEMBUAT PESANAN	2
5.	PEMERIKSAAN BARANG-BARANG DAN TEMPAT PEMBUATAN/ PENYIMPANAN	2
6.	UNDANG-UNDANG & ARAHAN-ARAHAN	2
7.	PELAN-PELAN & PENENTUAN-PENENTUAN	2
8.	PEMBUNGKUSAN	3
9.	PENGHANTARAN BARANG-BARANG YANG DİIMPORT	3
10.	PENYERAHAN	3
11.	PENERIMAAN ADALAH BERSYARAT	4
12.	HAK UM APABILA BARANG-BARANG ROSAK ATAU RENDAH KUALITINYA	4
13.	INSURAN BAGI BARANG-BARANG	4
14.	KUALITI CONTOH/ SPESIFIKASI CONTOH	4
15.	HAK UM APABILA BARANGAN TERLEWAT DISERAHKAN	5
16.	HAK UM APABILA BARANGAN GAGAL DIBEKALKAN	5
17.	HAK UM MEMBELI DARI LAIN-LAIN PUNCA	6
18.	WARRANTI	6
19.	PEMULANGAN	6
20.	ALAT-ALAT GANTI & "BACK-UP SERVICE"	7

~~CONTOH~~

PERENGGAN	KANDUNGAN PERJANJIAN	MUKA SURAT
21.	HAK UM MEMOTONG DARI WANG YANG PUSAT UM TERHUTANG KEPADA PETENDER	7
22.	PEMBAYARAN	7
23.	PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI	8
24.	KENAIKAN HARGA	8
25.	PERUBAHAN SYARAT-SYARAT DALAM JADUAL	8
26.	GANTIRUGI KEPADA UM AKIBAT PEMBEKAL MELANGGAR PERJANJIAN	8
27.	IKLAN	9
28.	PENYERAHAN TANGGUNGJAWAB	9
29.	PEMBERIAN MILIK	9
30.	PEKERJA	9
31.	LATIHAN PENGENDALIAN	9
32.	MALAPETAKA	10
33.	LANJUTAN TEMPOH PERJANJIAN DAN PEMBELIAN TAMBAHAN	11
34.	PENAMATAN KONTRAK	11
35.	DUTI SETEM	12
36.	UNDANG-UNDANG DAN KUASA	12
37.	PERTIKAIAN	12
38.	ALAMAT	13
39.	SYARAT-SYARAT TENDER/ SURAT TAWARAN/ JADUAL-JADUAL	13
40.	KESAN PERJANJIAN	13

CONTOH

UNIVERSITI MALAYA
(PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA)
KUALA LUMPUR

PERJANJIAN PEMBELIAN ALAT-ALAT KELENGKAPAN

Perjanjian Ini Dibuat pada _____ haribulan _____ tahun _____ ANTARA UNIVERSITI MALAYA, sebuah universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan beralamat di 50603 Kuala Lumpur, yang bagi tujuan perjanjian ini adalah diwakili oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (selepas ini dirujuk sebagai "UM") dari satu pihak DAN _____ (No. Syarikat : _____) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dengan alamat berdaftarnya di _____
(selepas ini dirujuk sebagai "Petender") sebagai pihak yang lain.

BAHAWASANYA UM bersetuju membeli _____

(Kemudian daripada ini disebut "barang-barang") daripada Petender yang mana Petender dengan ini bersetuju untuk membekal dan menyerahhantar barang-barang tersebut kepada UM mengikut syarat-syarat yang dinyatakan kemudian dari ini bermula dari _____ hingga _____

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH DENGAN INI UM DAN PETENDER BERSUJU SEPERTI BERIKUT:-

- CONTOH**
1. **PENENTUAN HARGA, AMAUN DAN MASA**
 - 1.1 Petender hendaklah menjual dan menyerahhantar kepada UM Barang-Barang mengikut penentuan-penentuan yang ditetapkan dalam Jadual 'A'
 - 1.2 Barang-Barang yang ditentukan dalam perenggan 1.1 hendaklah dibekal dan diserahhantar oleh Pembekal apabila dikehendaki oleh UM dengan harga yang ditentukan dalam Jadual 'A' sebanyak mana dan masa yang dikehendaki.
 2. **ANGGARAN KEPERLUAN**
 - 2.1 UM tidak menjamin atau melibatkan dengan apa cara juga bahawa semua atau mana-mana anggaran kuantiti atau jenis Barang-Barang yang dinyatakan dalam Jadual 'A' akan dipesan dalam tempoh perjanjian ini.

- 3. CAGARAN**
- 3.1 Sebelum atau pada masa Perjanjian ini ditandatangani Petender hendaklah menyerahkan kepada UM cagaran Ringgit Malaysia
 [Kemudian daripada ini disebut 'cagaran'] dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Insurans, Jaminan Bank Islam, Jaminan Takaful atau mana-mana cara yang dipersetujui oleh UM.
- 3.2 UM boleh mengubah nilai cagaran sekiranya harga atau kuantiti barang-barang tersebut berubah.
- 4. MEMBUAT PESANAN**
- 4.1 Pesanan-pesanan UM akan dibuat oleh PTJ Sumber Bahan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh UM untuk membuat pesanan, secara rasmi dengan bertulis kepada Petender dan UM tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa pesanan yang dibuat selain daripada bertulis.
- 5. PEMERIKSAAN BARANG DAN TEMPAT PEMBUATAN PENYIMPANAN**
- 5.1 Petender hendaklah, pada bila-bila masa apabila diminta, memberi dengan tiada apa-apa bantahan, contoh bagi Barang-barang yang akan dibekalkan untuk diuji atau dicerakin dan contoh tersebut yang telah diuji atau dicerakin boleh disimpan di UM.
- 5.2 Petender hendaklah membenarkan pegawai-pegawai UM yang berkenaan memasuki kawasan-kawasan/ bangunan-bangunan di mana Barang-barang itu sedang diperbuat atau disimpan bagi maksud pemeriksaan, pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh pegawai tersebut.
- 6. UNDANG-UNDANG ARAHAN-ARAHAN DAN**
- 6.1 Petender hendaklah mempastikan bahawa barang-barang yang dibekalkan itu bersesuaian digunakan dan mematuhi undang-undang dan arahan-arahan Jabatan Kerajaan yang berkuatkuasa pada masa itu.
- 7. PELAN-PELAN DAN PENENTUAN-PENENTUAN**
- 7.1 Bagi Barang-barang yang perlu dipasang dan ditauliah, Petender hendaklah memasang dan mentauliahkan mengikut syarat-syarat penentuan dan lukisan yang diperlukan dalam Jadual 'A'.
- 7.2 UM boleh mengkehendaki Petender menyedia dan membekalkan kepada UM pelan-pelan dan penentuan-penentuan berhubung dengan ruang, pembekalan air, elektrik dan lain-lain perkhidmatan yang diperlukan di tempat di mana Barang-barang itu dipasang dan ditauliah.

- 8. PEMBUNGKUSAN**
- 8.1 Barang-barang yang dibekalkan hendaklah dibungkus dengan sempurna dan mengikut syarat-syarat dalam Jadual dan apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan pembungkus, pengeluar atau pembekal hendaklah diganti oleh Petender atas perbelanjaan Petender.
- 9. PENGHANTARAN BARANG-BARANG YANG DIIMPORT**
- 9.1 Barang-barang yang diimport secara terus oleh Petender, hendaklah dihantar melalui agen penghantaran yang ditentukan oleh UM [kemudian daripada ini disebut 'Agen Penghantaran']
- 9.2 Petender boleh menghantar Barang-barang melalui vesal selain daripada Agen Penghantaran yang ditentukan oleh UM sekiranya terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada UM.
- 10. PENYERAHAN**
- 10.1 Barang-barang yang dibungkus seperti yang dikehendaki dalam Jadual'A' hendaklah diikat dengan sepatutnya dan diserahkan mengikut tempoh penyerahan seperti yang ditentukan dalam Perjanjian ini.
- 10.2 Petender hendaklah menyerahkan Barang-barang di tempat atau tempat-tempat seperti yang dikehendaki dalam Jadual 'A'.
- 10.3 Petender hendaklah menghantar surat penyerahan dengan pendua bersama-sama dengan setiap penyerahan Barang-barang dan satu salinan akan diperakutera dan dipulangkan kepada Petender apabila barang-barang tersebut diterima.
- 10.4 Bagi Barang-barang yang memerlukan pemasangan dan pentauliahan hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dalam Jadual 'A' dan surat penyerahan dengan penduanya hendaklah dihantar setelah Barang-barang itu dipasang, ditauliahkan dan telah diuji di mana prestasinya adalah memuaskan. Surat penyerahan dan laporan ujian hendaklah dihantar bersama-sama dan satu salinan surat penyerahan akan diperakutera oleh UM dan dipulangkan kepada Petender apabila Barang-barang tersebut telah dipasang dan ditauliahkan dengan memuaskan hati UM.
- 10.5 Petender hendaklah pada setiap kali penyerahan Barang-barang memberi satu perakuan bertulis bahawa Barang-barang yang

		dibekalkan tidak kurang mutunya dari spesifikasi contoh dan kualiti contoh seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian ini.
10.6	SEKURANG-KURANGNYA DUA [2] BUKU 'MANUAL' IAITU 'OPERATIONAL PROCEDURES' DAN 'PLANNED PREVENTIVE MAINTENANCE' DIBEKALKAN OLEH PETENDER BAGI SETIAP UNIT/SET BARANG-BARANG YANG DISERAHKAN TANPA APA-APA BAYARAN TAMBAHAN.	
11. PENERIMAAN BERSYARAT	ADALAH	11.1 Walaupun Barang-barang telah diterima oleh UM, UM berhak menguji contoh-contoh Barang-barang tersebut dan menolak semua Barang-barang yang dipesan mengikut Perjanjian ini sekiranya Barang-barang itu tidak menepati contoh kualiti contoh, spesifikasi contoh atau syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian.
12. HAK UM APABILA BARANG-BARANG ROSAK ATAU RENDAH KUALITINYA		12.1 Sekiranya Petender menyerahkan Barang-Barang yang tidak menepati kualiti contoh atau syarat-syarat dalam Jadual 'A' maka UM boleh sama ada : <ul style="list-style-type: none"> [a] menolak Barang-barang itu menamatkan Perjanjian ini dan merampas semua cagaran; atau [b] menolak Barang-barang tersebut dan meminta mengganti Barang-barang tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh UM. Sekiranya pengganti Barang-barang itu tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan UM boleh membeli Barang-barang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan sekiranya kos bagi memperolehi Barang-barang itu melebihi harga dalam Jadual 'A', Petender dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada UM mengenai pelanggaran hak-hak patern atau hak yang berhubung dengan barang-barang yang dibekalkan.
13. INSURAN BAGI BARANG-BARANG	13.1	Barang-barang yang dibekalkan hendaklah diinsurangkan oleh Petender untuk menjamin dalam apa-apa risiko.
14. KUALITI CONTOH/ SPESIFIKASI CONTOH	14.1	Bagi maksud perenggan 10, 11 dan 12 perjanjian perkataan-perkataan 'kualiti contoh' atau 'spesifikasi contoh' bermakna kualiti atau spesifikasi Barang-barang yang diserahkan oleh Petender kepada UM dan yang telah dipersetujui oleh pihak UM semasa menyertai tender bagi tujuan membekalkan barang-barang tersebut menurut perjanjian ini.

15. HAK UM APABILA BARANG TERLEWAT DISERAHKAN 15.1 Sekiranya Petender lewat menyerahkan Barang-barang yang dipesan oleh UM mengikut masa yang ditentukan menurut perenggan 4 atau Jadual 'A' UM hendaklah sama ada;

- [a] menolak Barang-barang tersebut, menamatkan Perjanjian ini dan merampas semua cagaran; dan/atau
- [b] membeli daripada punca-punca lain sebagai ganti kepada Barang-barang yang dipesan dan membatalkan pesanan Barang-barang tersebut dan sekiranya kos memperolehi Barang-barang itu [termasuk kos memasang dan mentauliahkan bagi

Barang-barang yang perlu dipasang dan ditauliahkan] dari punca-punca lain melebihi harga dalam perjanjian, Petender hendaklah membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada UM dan pihak UM juga berhak untuk merampas semua cagaran;

[c] menerima Barang-barang itu dan mengenakan suatu denda terhadap Petender seperti berikut :-

[i] bagi kelewatan penyerahan lapan [8] hingga tiga puluh [30] hari yang pertama denda sebanyak satu peratus [1%] dari nilai Barang-barang yang dipesan.

[ii] bagi kelewatan penyerahan yang melebihi tiga puluh [30] hari denda sebanyak satu peratus [1%] dari nilai Barang-barang yang dipesan. Bagi tiap-tiap lima belas [15] hari kelewatan itu diteruskan sebagai tambahan kepada denda di bawah perenggan 14[c][i] tetapi tidak melebihi lima peratus [5%] dari nilai Barang-barang yang dipesan. Bagi maksud pengiraan denda ini, sebahagian daripada lima belas [15] hari hendaklah dikira lima belas [15] hari genap.

16. HAK UM BARANGAN DIBEKALKAN APABILA GAGAL 16.1 Sekiranya Petender masih gagal membekalkan Barang-barang dalam tempoh masa yang ditentukan oleh pihak UM iaitu setelah Petender tidak menyerahkan Barang-barang mengikut masa-masa yang ditentukan menurut perenggan 4 atau Jadual 'A' Perjanjian, UM boleh menamatkan Perjanjian ini dan merampas semua cagaran.

17. HAK UM MEMBELI DARI LAIN-LAIN PUNCA
- 17.1 UM berhak membeli Barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual 'A' daripada punca-punca lain selain daripada Petender bagi maksud percubaan atau keperluan yang tertentu.
18. WARRANTI
- 18.1 Tempoh warranty bagi Barang-barang adalah dua (2) tahun mulai dari tarikh Barang-barang itu diterima seperti dalam perenggan 10.3 dan 10.4 mengikut mana-mana yang sesuai.
- 18.2 Sekiranya dalam tempoh warranty UM mendapati bahawa prestasi Barang-barang tersebut tidak memuaskan atau rosak bukan disebabkan kecuaian UM, Petender hendaklah membaiki dan jika perlu mengganti mana-mana alat atau alat-alat yang tidak berfungsi dengan memuaskan dalam tempoh warranty tersebut tanpa apa-apa bayaran tambahan. Laporan-laporan mengenai kerosakan itu termasuk kerja-kerja pembaikan dan penggantian hendaklah dikemukakan kepada UM dalam dua [2] salinan.
- 18.3 Sekiranya Petender gagal membaiki atau mengganti Barang-barang tersebut yang tidak memuaskan, maka UM boleh sama ada;
- ~~CONTINUE~~
- [a] mendapat mana-mana orang berkelayakan bagi membaiki alat-alat itu atau mengganti alat-alat itu di mana semua kos yang kena bayar bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung oleh Petender dan harus dibayar apabila dituntut oleh pihak UM;
- [b] memulangkan Barang-barang tersebut dan Petender hendaklah membayar denda, pampasan dan kos-kos yang terlibat dengan pemulangan tersebut dan harus dibayar apabila dituntut oleh UM.
- 18.4 Sekiranya kelambatan pembaikan atau penggantian mana-mana alat-alat yang tidak berfungsi dengan memuaskan, maka UM boleh mengenakan denda terhadap Petender sebanyak satu peratus [1%] dari harga Barang-barang itu pada setiap tujuh [7] hari kelambatan tetapi tidak melebihi lima peratus [5%] harga Barang-barang itu.
19. PEMULANGAN
- 19.1 Pemulangan Barang-barang oleh UM kepada Petender mengikut perenggan 12 dan 18 hendaklah dibuat dengan memberi notis bertulis dan dihantar dengan pos berdaftar atau

- ~~CONFIDENTIAL~~
- dengan tangan kepada Petender dan Petender hendaklah mengambil Barang-barang yang dipulangkan tersebut di tempat yang dinyatakan dalam notis dalam masa empat belas [14] hari dari tarikh penerimaan notis tersebut yang dialamatkan kepada Petender seperti menurut alamat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau alamat terakhir Petender dan notis tersebut hendaklah dianggap telah diserahkan dan diterima oleh Petender.
20. ALAT-ALAT GANTI DAN 'BACK-UP SERVICE'
- 20.1 Petender hendaklah menjamin bahawa alat-alat ganti dan 'back-up service' boleh dibekalkan untuk tempoh 10 tahun dari tarikh Barang-barang itu diserah mengikut perenggan 10.
21. HAK UM MEMOTONG DARI WANG YANG UM TERHUTANG KEPADA PETENDER
- 21.1 Sekiranya Petender gagal atau enggan membayar suatu amaun denda, gantirugi, pampasan atau lain-lain tuntutan yang dikenakan terhadap Petender mengikut Perjanjian ini maka UM boleh memotong dari apa-apa wang yang kena bayar oleh UM kepada Petender bagi maksud pembayaran tersebut.
- 21.2 Bagi maksud perenggan 21.1. sekiranya wang kena bayar oleh UM kepada Petender itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan UM, UM boleh menuntut wang itu daripada Petender dan Petender hendaklah membuat pembayaran dengan segera selepas sahaja tuntutan dibuat.
22. PEMBAYARAN
- 22.1 Pembayaran bagi tiap-tiap satu penyerahan Barang-barang akan dibuat oleh UM dalam tempoh tiga puluh [30] hari selepas Barang-barang tidak boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa Barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki. Walaupun pembayaran penuh seperti itu dibuat, Petender akan terus bertanggungjawab di bawah perenggan 12 dan 15 perjanjian ini.
- 22.2 Bagi Barang-barang yang memerlukan pemasangan, pentaulihan dan tunjukajar mengenai penggunaan dan penyelenggaraan maka pembayaran sebanyak tujuh puluh lima peratus [75%] daripada harga Barang-barang dihantar untuk dipasang dan ditauliahkan di tempat yang dinyatakan dalam Jadual 'A' sementara bakinya akan dibayar setelah pemasangan, pentaulihan dan tunjukajar telah disempurnakan oleh Petender dengan memuaskan hati kepada UM.

- 23. PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI**
- 23.1 Sekiranya dalam tempoh Perjanjian ini berlaku sebarang perubahan mana-mana kadar duti kastam, cukai jualan, cukai tokok dan eksais terhadap Barang-barang tersebut UM atau Petender boleh memohon bagi maksud mengurangkan atau menaikkan harga Barang-barang tersebut.
- 23.2 Harga Barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual 'A' tidak boleh diubah tanpa mendapat persetujuan bertulis dari kedua-dua pihak bersetuju mengubah harga tersebut ianya tidak akan memberi kesan terhadap Barang-barang yang telah dipesan sebelum permohonan itu dibuat.
- 24. KENAIKAN HARGA**
- 24.1 Petender tidak dibenarkan membuat permohonan untuk kenaikan harga dalam tempoh perjanjian ini berkuatkuasa kecuali dengan sebab-sebab yang dinyatakan di bawah perenggan 23.1. Perjanjian.
- 25. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT DALAM JADUAL**
- 25.1 UM semasa berhak mengubah dari masa ke semasa syarat-syarat yang terkandung dalam Jadual 'A' dan mulai dari tarikh yang dinyatakan oleh UM Barang-barang yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- 25.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran atau tempoh pengeluaran atau tempoh pengeluaran maka apa-apa perubahan kepada harga Barang-barang dan/atau masa penyerahan bagi Barang-barang yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.
- 26. GANTIRUGI KEPADA UM AKIBAT PEMBEKAL MELANGGAR PERJANJIAN**
- 26.1 Petender hendaklah membayar gantirugi terhadap UM di atas segala tuntutan perbelanjaan gantirosak, tanggungan, kerugian dan pembicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas UM akibat secara langsung atau tidak langsung pelanggaran Perjanjian ini oleh Petender. Sekiranya bilangan Petender itu melebihi seorang, maka tanggungan bagi mereka itu hendaklah disifatkan sebagai bersama dan masing-masing.

- | | |
|---|--|
| <p>27. IKLAN</p> <p>28. PENYERAHAN TANGGUNGJAWAB</p> <p>29. PEMBERIAN MILIK</p> <p>30. PEKERJA</p> <p>31. LATIHAN PENGENDALIAN</p> | <p>27.1 Iklan yang berkaitan dengan Perjanjian ini tidak dibenar disiarkan dalam mana-mana media massa atau cara-cara pengiklanan itu telah pun diluluskan oleh UM terlebih dahulu secara bertulis.</p> <p>28.1 Petender tidak boleh menyerahkan mana-mana tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini atau membuat kontrak kecil bagi melaksanakan Perjanjian ini atau mana-mana tanggungjawabnya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari UM.</p> <p>29.1 Petender tidak boleh memberi milik perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya atau menggadai-janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan mana-mana juga daripada wang yang kena bayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini apa-apa faedah yang terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis UM.</p> <p>30.1 Bagi Barang-barang atau bahagian Barang-barang yang diproses dan dibuat di Malaysia oleh Petender, maka Petender adalah dikehendaki mengambil pekerja Warganegara Malaysia sahaja atau mengikut polisi Kerajaan semasa untuk melaksanakan Perjanjian ini melainkan jika Petender dapat menunjukkan hingga memuaskan hati UM bahawa bilangan Warganegara Malaysia dalam sesuatu bidang atau sesuatu kemahiran yang dikehendaki untuk menyempurnakan Perjanjian ini tidak dapat dipenuhi.</p> <p>30.2 Dalam hal perenggan 30.1. Petender dikehendaki mengemukakan penyata-penyata berkenaan dengan pekerja-pekerja yang diambil bekerja dengannya apabila dikehendaki oleh UM pada atau dalam masa melaksanakan Perjanjian ini dan sekiranya Petender mengemukakan penyata-penyata palsu, maka UM boleh membatalkan pendaftarannya sebagai seorang Petender UM.</p> <p>31.1 Petender hendaklah apabila dikehendaki oleh UM memberi latihan kepada pelatih atau perantis UM yang mana tempat, jangkamasa dan bilangan pelatih atau perantis hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.</p> |
|---|--|

CONTOH

- ~~CONFIDENTIAL~~
- 31.2 Petender atau mana-mana orang bagi pihak Petender hendaklah dalam masa latihan tersebut mengajar pelatih atau perantis UM mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan, penyelenggaraan dan cara-cara memperbaiki Barang-barang tersebut sekiranya ia rosak tanpa mengenakan apa-apa bayaran.
- 32. MALAPETAKA**
- 32.1 UM dan Petender adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Perjanjian ini sekiranya tindakan, ketinggalan atau kegagalan itu disebabkan oleh malapetaka iaitu rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut, atau gangguan-gangguan lain yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak.
- 32.2 Dalam hal perenggan 32.1. Petender hendaklah dalam tempoh tujuh [7] hari dari terjadinya malapetaka atau gangguan itu memberitahu Pusat Perubatan Universiti Malaya secara bertulis sebab-sebab malapetaka atau gangguan dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengurangkan kelewatan pembekalan Barang-barang dan mengemukakan dokumen-dokumen yang sah bagi menyokong malapetaka atau gangguan tersebut.
- 32.3 Bagi maksud perenggan ini UM berhak menjalankan penyiasatan ke atas kelewatan pembekalan Barang-barang yang disebabkan oleh malapetaka atau gangguan itu dan sekiranya didapati memuaskan hati UM bahawa kelewatan pembekalan Barang-barang yang disebabkan oleh malapetaka atau gangguan itu adalah benar-benar satu kejadian malapetaka seperti diterangkan dalam perenggan 32.1., maka tempoh masa penyerahan boleh dilanjutkan kepada satu tempoh yang ditentukan oleh UM selepas berunding dengan Petender dan sekiranya UM mendapati sebab-sebab kejadian tersebut adalah tidak benar, maka Petender bertanggungjawab di atas kelewatan membekalkan Barang-barang tersebut dan UM boleh mengambil tindakan menurut perenggan 12,15,atau 16 Perjanjian ini.
- 32.4 Adalah menjadi tanggungjawab Petender bahawa Perjanjian ini dapat dilaksanakan

- dengan tidak mengenakan apa-apa kos tambahan kepada UM walaupun satu kejadian malapetaka atau satu gangguan telah berlaku.
- 32.5 Sekiranya Petender tidak memberitahu UM mengenai malapetaka atau gangguan dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah perenggan 32.2. Perjanjian, maka Petender dianggap bersetuju membekalkan Barang-barang menurut Perjanjian ini dan sekiranya kelewatan atau kegagalan pembekalan berlaku maka Petender tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya dengan alasan malapetaka.
33. LANJUTAN PERJANJIAN PEMBELIAN TAMBAHAN TEMPOH DAN 33.1 Perjanjian ini boleh dilanjutkan kepada satu tempoh yang akan ditentukan dengan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Permohonan bagi melanjutkan tempoh perjanjian ini boleh dibuat oleh mana-mana pihak enam [6] bulan sebelum tamatnya Perjanjian.
- 33.2 ~~UM juga boleh membuat pembelian tambahan dari Perjanjian sedia ada tertakluk kepada persetujuan Petender untuk mengekalkan harga dan syarat-syarat Perjanjian.~~
34. PENAMATAN KONTRAK 34.1 Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dan merampas Cagaran sekiranya;
- [a] Petender melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat atau perenggan dalam Perjanjian ini;
 - [b] Petender pada bila-bila masa menjadi bankrap atau sesuatu perintah penerimaan atau perintah Pentadbiran dibuat terhadapnya; atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutangnya atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat iaitu digantung [bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan] atau sekiranya seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau sekiranya timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang penerima atau mengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang sipiutang melantik seseorang penerima atau mengurus, atau yang memberi hak kepada

CONTOH

- ~~CONFIDENTIAL~~
- mahkamah membuat suatu perintah penggulungan. Dalam hal ini, Petender hendaklah memberitahu perkara berkaitan kepada UM secara bertulis;
- [c] UM mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Petender atau sesiapa yang diambil bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya sama ada bertindak bagi pihak yang sama ada diketahui atau diluar pengetahuan Petender melakukan perbuatan rasuah; atau
 - [d] Petender yang tidak mempunyai sesuatu permit atau lesen atau kebenaran yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa menurut peruntukan undang-undang bagi tujuan melaksanakan Perjanjian ini.
- 34.2 Penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak UM untuk mendapat balik gantirosak atau pampasan atau mana-mana denda dibawah perjanjian.
- 34.3 Bagi tujuan penamatan Perjanjian ini UM hendaklah memberi notis bertulis sekurang-kurangnya dua [2] minggu kepada Petender melalui pos berdaftar atau dengan tangan yang dialamatkan kepada Petender seperti menurut alamat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau alamat terakhir Petender dianggap telah diserahkan dan diterima oleh Pembekal.
35. DUTI SETEM
- 35.1 Mana-mana duti setem yang kena dibayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai Perjanjian ini akan ditanggung oleh Petender.
36. UNDANG-UNDANG KUASA
- 36.1 Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikuti undang-undang Malaysia dan Mahkamah-Mahkamah Malaysia hendaklah ada bidang kuasa bagi mendengar dan menentukan semua tindakan dan pembicaraan mengenai Perjanjian ini.
37. PERTIKAIAN
- 37.1 Apa-apa pertikaian atau perbezaan yang terbit di antara UM dengan Petender mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa Perjanjian atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya sama ada dalam tempoh Perjanjian ini atau selepas tamat Perjanjian ini hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan bertulis di antara

UM dengan Petender, dirujukkan kepada seorang penimbangtara, seorang dilantik oleh UM dan seorang lagi dilantik oleh Petender menurut peruntukan-peruntukan Akta Timbangtara 2005 (Arbitration Act, 2005) atau mana-mana undang-undang yang berkaitan mengenaianya berkuatkuasa pada masa itu.

38. ALAMAT

38.1 Semua surat-menyerat atau notis mengenai Perjanjian ini hendaklah di alamatkan seperti di bawah ini:-

[a] Bagi pihak UM :

Pengarah,
Pusat Perubatan Universiti Malaya
59100 KUALA LUMPUR

[U/P : Jabatan Perolehan]

[b] Bagi pihak Petender :

CONTOH

38.2

Sekiranya berlaku pertukaran alamat seperti yang dinyatakan di perenggan 38.1, maka pihak berkenaan hendaklah memberitahu dengan bertulis kepada pihak yang lagi satu alamat barunya.

**39. SYARAT-SYARAT
TENDER/SURAT TAWARAN/
JADUAL-JADUAL**

39.1

Adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa syarat-syarat tender surat tawaran _____ dan Jadual-Jadual 'A' dan 'B' bagi Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama-sama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

40. KESAN PERJANJIAN

40.1

Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai perjanjian yang keseluruhannya dan menggantikan semua perjanjian dan jaminan sebelum perjanjian ini.

PENGAKUSAKSIKAN OLEH PIHAK YANG MENANDATANGANI KONTRAK

Perjanjian ini telah ditandatangani oleh wakil-wakil bagi pihak-pihak dalam Perjanjian ini yang diberikan kuasa berbuat demikian pada hari dan tahun yan mula-mula tercatat di atas

Untuk dan bagi pihak

UNIVERSITI MALAYA

Untuk dan bagi pihak

XXX BHD.

Nama :

Jawatan :

Nama :

Jawatan :

Cop Rasmi :

Di hadapan

Di hadapan

Nama :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

Nama :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

Cop Rasmi :

CONTOH